

# 'Bersiap untuk projek RM 4'



**BUKIT FRASER, Khamis** — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menekankan, usaha-usaha segera perlu diambil untuk meningkatkan prestasi jentera pentadbiran dan pelaksanaan Kerajaan di semua peringkat dalam menyediakan program pembangunan lebih besar di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Kata beliau, usaha-usaha lebih serius juga perlu dijalankan bagi memperbaiki keupayaan jentera perancangan dan pelaksanaan di peringkat negeri, wilayah dan daerah.

"Kejayaan rancangan-rancangan Kerajaan bergantung kuat kepada hubungan yang berkesan sebagai satu pasukan dari setiap peringkat Kerajaan," tegas Timbalan Perdana Menteri lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan demikian ketika merasmikan seminar 'Pegawai-pegawai Tertinggi Kerajaan Malaysia' anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di sini, hari ini.

Bellau berkata, penilaian-penilaian yang mendalam hendaklah diadakan dari masa ke semasa oleh unit-unit perancangan dan pembangunan di Kementerian dan Jabatan Kerajaan di peringkat wilayah ataupun negeri.

## Mengukur

"Laporan-laporan mereka perlu dibincangkan seluas-luasnya sebagai satu sumber maklumat balas yang sangat berguna untuk mengukur sejauhmana dasar pembangunan dan projek-projek yang diadakan itu mencapai kejayaan yang dikehendaki," katanya lagi.

Timbalan Perdana Menteri selanjutnya menegaskan, pandangan, pendapat dan keperluan rakyat harus diambil kira dalam proses perancangan di semua peringkat.

"Saya berani menyatakan bahawa kekurangan sambutan rakyat terhadap setengah program Kerajaan disebabkan program itu tidak dirancang dengan cermat dan diterangkan sejelas-jelasnya maksud dan cara pelaksanaannya," kata beliau.

Perkara ini, katanya telah membawa satu keadaan yang tidak diduga di mana terdapat program-program yang telah memberi munafaat kepada orang ramai, sebaliknya membangkitkan kegelisahan sehingga menjadi beberapa peristiwa yang tidak diinginkan.

Kata Datuk Seri Dr. Mahathir lagi, pembangunan yang pesat seperti yang sedang kita tempoh masa ini kadangkala menghasilkan 'tension' dan 'strain' di kalangan masyarakat.

"Bagi satu kumpulan, ini dapat diatasi dengan jayanya. Bagi sekumpulan yang lain pula beberapa masalah mungkin timbul," tegasnya.

Bellau menekankan, sistem perhubungan yang bijak seharusnya dapat menjangka dan meramalkan masalah-masalah yang akan timbul dan menghindar keretakan di dalam masyarakat, supaya hasil pembangunan dapat dinikmati oleh kebanyakan rakyat.

"Jika tidak akan timbulah gejala-gejala tidak sihat di kalangan rakyat, terutama apabila mereka dihasut oleh kumpulan-kumpulan yang berkepentingan," tegasnya lagi.

Timbalan Perdana Menteri mencadangkan, sistem perhubungan dan maklumat balas yang baik sangat perlu

diadakan untuk mengesan masalah itu ataupun menangkap 'signal' masalah tersebut sebelum ia membesar.

Menurut beliau, banyak rancangan dan dasar Kerajaan telah disalah terima oleh segolongan rakyat, malah niat yang baik kadangkala disalah ertikan melalui cara perhubungan yang tidak betul.

"Masih lagi terdapat bahawa Dasar Ekonomi Baru tidak difahami oleh segolongan rakyat," tambah beliau lagi.

Timbalan Perdana Menteri menambah, zaman lapan puluhan akan membawa cabaran berbagai bentuk melalui tekanan di dalam dan di luar negara akibat dari pergolakan politik antarabangsa dan tempatan.

Di waktu yang sama, katanya, Kerajaan sedang melancarkan pembangunan ekonomi dengan menggunakan teknologi dan pengurusan moden yang akan melibatkan perubahan sosial yang ada kalanya mengancam nilai-nilai tradisi rakyat.

No. Siri ...

No. Peaer...

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia